

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5 November 2015



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam mengadakan pertemuan ringkas dengan kesemua Menteri Pertahanan ASEAN dan rakan dialog dari lapan buah negara. Pertemuan itu diadakan selepas Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM)- PLUS Ketiga diadakan di Subang dekat Kuala Lumpur.

Perdana Menteri turut menerima kunjungan hormat Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Dr. Ashton Carter yang juga mengikuti mesyuarat itu.

Yang turut hadir ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Tenaga di Pejabat Perdana Menteri Brunei, Datuk Dr. Mohammad Yasmin

Umar; Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Kemboja, Jeneral Tea Banh dan Menteri Pertahanan Indonesia, Jeneral Ryamizard Ryacudu.

Lain-lain ialah Menteri Pertahanan Laos, Leftenan Jeneral Sengnouane Sayalat; Menteri Pertahanan Myanmar, Leftenan Jeneral Seln Win dan lapan rakan dialog ADMM-PLUS.

• **NAJIB TUN RAZAK bersalam dengan Ashton Carter sewaktu hadir dalam Mesyuarat ADMM-PLUS di Subang, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI**